



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak

# TICKET TO VICTORY

# SAINS TINGKATAN 5



SEKTOR PEMBELAJARAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver



## PENDAHULUAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama guru-guru cemerlang telah menghasilkan **Ticket to Victory** yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5 mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi mata pelajaran Sains Teras, Matematik, Matematik Tambahan, Biologi, Fizik dan Kimia berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021.

**Ticket to Victory** disediakan dalam bentuk *pdf* dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan kerja rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina item soalan mengikut format SPM.

Justeru itu, diharap penggunaan **Ticket to Victory** dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “**We Deliver**”.

Sektor Pembelajaran,  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tawas Baru Utara,  
Tasek Damai,  
30010, Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05-292 2745 / 05-292 3603  
Faks : 05 – 292 3851  
2021



**Seuntai Bicara, Segunung Harapan**  
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya, penghasilan bahan *Ticket to Victory* dapat direalisasikan oleh bidang Matematik dan Sains, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak. Ini merupakan usaha murni hasil kejayaan kolaboratif akrab antara Jabatan Pendidikan Negeri Perak khasnya Sektor Pembelajaran dan guru-guru pakar negeri Perak dalam menterjemahkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan dan melahirkan murid holistik yang dapat menguasai kemahiran serta kelayakan dalam persaingan dunia realiti. Saya berharap penghasilan *Ticket to Victory* dimanfaat sepenuhnya oleh guru-guru subjek dalam usaha meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dalam peperiksaan SPM di negeri Perak. *Ticket to Victory* ini adalah bahan sokongan alternatif yang boleh digunakan oleh murid untuk meneruskan pembelajaran secara *online* atau *offline* semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang dikuat kuasa kerana pandemik Covid 19 sedang melanda dunia pada hari ini. Dalam suasana pandemik Covid 19 ini guru-guru menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam meneruskan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Sains dan Matematik adalah satu bidang ilmu yang berkembang seiringan dengan perkembangan teknologi digital dan penciptaan aplikasi baharu yang semakin pesat pada hari ini. Ilmu Sains dan Matematik sentiasa berubah dan mengikut arus pemodenan berdasarkan kajian yang dilakukan, seterusnya penemuan pelbagai teknologi terkini seperti mikroelektrik, mikrocip dan pendigitalan. Dalam mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), generasi muda khususnya perlu menguasai bidang *Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM)*. Hal ini dapat melahirkan modal insan yang mahir di dalam bidang teknologi masa hadapan yang menjadi teras dalam IR 4.0 yang memerlukan generasi berpengetahuan tinggi dan berkeupayaan menghadapi cabaran teknologi baharu yang lebih kompleks. Selain daripada itu, dunia *Volatility, Uncertainty, Complexity, and Ambiguity* (VUCA) juga memerlukan generasi yang berdaya tahan, bukan sekadar menjadi pengguna teknologi, malah memulakan atau mencetuskan teknologi. STEM adalah satu bidang untuk memudahkan kehidupan masyarakat. Pelbagai penciptaan baharu dapat dihasilkan menerusi penerokaan STEM, tanpa melupakan aspek akal budi yang juga teras ketamadunan bangsa.

Akhir kata, bersama-sama lah kita berdoa agar bahan *Ticket to Victory* dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada murid-murid yang akan menghadapi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini. Sekian, terima kasih.

  
**DR. MOHD SUHAIMI B. MOHAMED ALI, PCM**  
Pengarah Pendidikan Negeri Perak  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



**Cetusan Rasa, Pemangkin Minda**  
TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN,  
SEKTOR PEMBELAJARAN,

Assalamualaikum dan salam sejahtera warga pendidik di negeri Perak. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya kita warga pendidik dapat terus berkarya demi kelangsungan pendidikan anak-anak bangsa khususnya di negeri Perak. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada bidang Matematik dan Sains, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak yang sangat komited memartabatkan pendidikan di negeri ini dengan melaksanakan pelbagai program kecemerlangan akademik terutamanya dalam usaha meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sains dan Matematik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menjelang tahun 2021 bermulalah cabaran baharu guru-guru dan murid-murid menengah atas apabila pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula diperkenalkan pada tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kini telah mula dilaksanakan di tingkatan 5. Rentetan daripada itu, format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mula diperkenalkan sejajar dengan pengenalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Kami menyedari bahawa dalam mendepani sesuatu yang baharu pasti banyak cabaran yang perlu dilalui, antaranya kekurangan bahan rujukan, kekurangan soalan-soalan contoh dan mungkin kefahaman dalam kalangan guru dan murid yang belum mendalam khususnya tentang format baharu mata pelajaran Sains dan Matematik dalam peperiksaan SPM. Oleh hal yang demikian, bidang Matematik dan Sains telah mengambil inisiatif membentuk pasukan *Think Tank* bagi subjek Matematik, Sains Teras, Fizik, Kimia, Matematik Tambahan dan Biologi sebagai kesiapsiagaan membantu murid-murid menghadapi SPM KSSM. Hasilnya tercususlah idea untuk menyediakan bahan *Ticket to Victory* yang merupakan bentuk soalan topikal merangkumi sukatan kandungan KSSM di Tingkatan 4 dan 5.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada pasukan *Ticket to Victory* bidang Matematik dan Sains yang berjaya menghasilkan soalan-soalan topikal sebagai rujukan guru dan murid menengah atas yang akan menghadapi peperiksaan SPM pada tahun ini. Semoga ilmu yang sedikit ini jika dikongsi pasti bercambah dan bertambah, serta memberikan manfaat kepada warga pendidikan di negeri Perak.

  
**HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMMED, AMP**  
Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

# Penghargaan

Bidang Matematik dan Sains, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Merakamkan Setinggi-tinggi Penghargaan Dan Terima Kasih Kepada

DR. MOHD SUHAIMI BIN MOHAMED ALI, PCM  
PENGARAH PENDIDIKAN NEGERI PERAK

HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED, AMP  
TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN  
SEKTOR PEMBELAJARAN

EN. ANAS BIN MOHAMMAD SUFFIAN  
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN MATEMATIK DAN SAINS

EN. AHMAD REZAUDIN BIN HUSSEIN  
KETUA PENOLONG PENGARAH MATEMATIK DAN SAINS

DR. NAJIHAH BINTI MUSTAFFA  
PENOLONG PENGARAH MATEMATIK DAN SAINS

Sehingga Berjaya Menerbitkan  
BAHAN *TICKET TO VICTORY* SAINS

## PENGGUBAL :



SHAHROL SAEFFY B.  
AHMAD SHATAR, SMK SIMPANG I  
AZNIN AWANIS BT. AZMI, SMK SENTOSA I

SHARIZAL AZRAIND B. SABRUN, SMK SERI SETIA I AMLA

SAEDAH BT. ABDUL RAHMAN, SMK RAJA LOPE NOR RASHID I

NORMI AZNIDA BT. AHMAD NAJMI, SMK HUA LIAN I ZAKIAH BT. ABD

JABAR, SMK DATO' IDRIS I HAZNI BT. AHMAD, SMK PANGKALAN TLDM LUMUT I

NOOR NADIAH BT. MOHD NASIR, SABK MAAHAD AL-UMMAH I MOHD AZRIL B. MOHD


AZLAN, SMK MALIM NAWAR I NADZRUL FITHRI B. AHMAD SATIBI, SMK KHIR JOHARI I AHMAD

NAWAWI B. MUSA, SMK PENGKALAN HULU I NORHAMILI BT. IBRAHIM, SABK MAAHAD AL-MAARIF

AL-ISLAMIAH I NOOR AZMAH BT. ABD HADI, SMK TAMAN TASIK I NOR ALIZA BT. AZNAM, SMK DATO' HAJI TAIB

**FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021**  
**MATA PELAJARAN SAINS (1151)**

Bil.	Perkara	Kertas 1 (1511/1)	Kertas 2 (1511/2)
1	Jenis instrumen	Ujian Bertulis	
2	Jenis item	Objektif Aneka Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjektif Berstruktur</li> <li>• Subjektif Respon Terhad</li> <li>• Subjektif Respon Terbuka</li> </ul>
3	Bilangan soalan	40 soalan (40 markah) (Jawab <b>semua</b> soalan)	<p><b>Bahagian A:</b> (20 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 4 item (Jawab <b>semua</b> soalan)</li> </ul> <p><b>Bahagian B:</b> (38 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 6 item (Jawab <b>semua</b> soalan)</li> </ul> <p><b>Bahagian C:</b> (22 markah)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 item (10 markah) dan</li> <li>• 2 item (12 markah) (Jawab <b>satu</b> soalan)</li> </ul>
4	Jumlah Markah	40 markah	80 markah
5	Konstruk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingat</li> <li>• Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingat</li> <li>• Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mencipta</li> </ul>
6	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit
7	Cakupan Konstruk	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5)	
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
9	Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik
10	Alatan Tambahan	Kalkulator saintifik	




## Senarai Elemen / Konstruk dan Aspek yang Ditaksir

KOD ELEMEN	ELEMEN	KOD ASPEK	ASPEK
SS01	Kemahiran Proses Sains	SS 0101	Memerhati
		SS 0102	Mengelas
		SS 0103	Mengukur dan Menggunakan Nombor
		SS 0104	Membuat Inferens
		SS 0105	Meramal
		SS 0106	Berkomunikasi
		SS 0107	Menggunakan Perhubungan Ruang dan Masa
		SS 0108	Mentafsir Data
		SS 0109	Mendefinisi Secara Operasi
		SS 0110	Mengawal Pemboleh Ubah
		SS 0111	Membuat Hipotesis
		SS 0112	Mengeksperimen
SS02	Kemahiran Manipulatif	SS 0201	Menggunakan dan Mengendalikan Peralatan Sains dan Bahan
		SS 0202	Mengendalikan Spesimen
		SS 0203	Melakar Spesimen, Bahan dan Peralatan Sains
		SS 0204	Membersihkan Peralatan Sains
		SS 0205	Menyimpan Peralatan Sains dan Bahan
SS03	Sikap Saintifik dan Nilai Murni	NS 0101	Mengamalkan Sikap Saintifik dan Nilai Murni
PS01	Mengingat	PS 0101	Perkara khusus atau spesifik
		PS 0102	Pengetahuan tentang cara mengendalikan perkara khusus atau spesifik
		PS 0103	Pengetahuan tentang perkara universal dan abstrak
KS01	Memahami	KS 0101	Penterjemahan
		KS 0102	Pentafsiran
		KS 0103	Ekstrapolasi
		KS 0104	Pernahaman tentang perkara universal dan abstrak
KS02	Mengaplikasi	KS 0201	Aplikasi pengetahuan Sains Tambahan
		KS 0202	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif
KS03	Menganalisis	KS 0301	Analisis unsur-unsur
		KS 0302	Analisis Perkaitan
KS04	Menilai	KS 0401	Menilai berdasarkan evidens dalaman
KS05	Mencipta	KS 0501	Menyelesaikan masalah dengan idea baharu
		KS 0502	Mencipta produk atau idea baharu

**BAB 1 : MIKROORGANISMA****KERTAS 1**

1. Rajah 1 menunjukkan satu contoh mikroorganisma.  
*Diagram 1 shows an example of microorganisms.*



Rajah 1 / Diagram 1

Antara yang berikut, yang manakah pengelasan yang betul bagi mikroorganisma ini?  
*Which of the following is the correct classification for thus microorganism?*

- A** Alga / Algae
- B** Fungi / Fungi
- C** Virus / Virus
- D** Bakteria / Bacteria

Konstruk -Memahami

2. Mengapa kebanyakan mikroorganisma tumbuh dan membiak dengan cepat di dalam tubuh badan kita?


*Why do most microorganisms grow and reproduce rapidly inside our body?*

- A** Keamatan cahaya yang tinggi / *High intensity of light*
- B** Kelembapan yang rendah / *Low humidity*
- C** Suhu yang optimum / *Optimum temperature*
- D** Medium berasid / *Acidic medium*

Konstruk -Memahami

3. Antara yang berikut, yang manakah terkumpul dalam kumpulan yang sama?

*Which of the following are grouped in the same grouped?*




- A** P dan R / *P and R*
- B** Q dan R / *Q and R*
- C** Q dan S / *Q and S*
- D** P dan S / *P and S*

Konstruk -Memahami

4. Rajah 2 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji satu faktor yang mempengaruhi pertumbuhan bakteria.

*Diagram 2 shows an experiment to investigate a factor that influences the growth of bacteria.*



Rajah 2 / Diagram 2

Apakah faktor yang dikaji? / *What is the factor investigated?*

- A Cahaya / Light
- B Nutrient / Nutrient
- C Nilai pH / ph Value
- D Suhu / Temperature

Konstruk - Memahami

5. Jadual 1 di bawah menunjukkan campuran bakteria dan bubur nutrient dalam tabung uji P, Q, R dan S.

*The table 1 below shows the mixture of bacteria and nutrient broth in the test tubes P, Q, R and S.*

Tabung uji Test tube	Suhu (°C) Temperature (° C)	Nilai pH pH value
P	27	7
Q	27	2
R	37	7
S	37	2

Jadual 1 / Table 1

Campuran dalam tabung uji manakah yang paling keruh?


*The mixture in which test tubes is the cloudiest?*

- A P
- B Q
- C R
- D S

Konstruk – Analisis

6. Rajah 3 menunjukkan sejenis mikroorganisma yang digunakan dalam industri pemprosesan makanan.

*Diagram 3 shows a type of microorganism used in food processing industries.*



Rajah 3 / Diagram 3


Antara industri berikut, yang manakah menggunakan mikroorganisma ini?  
*Which of the following industries uses this microorganism?*

- A Pembuatan keju / Making cheese
- B Pembuatan roti / Making bread
- C Pembuatan cuka / Making vinegar
- D Pembuatan dadih / Making yoghurt

Konstruk - Memahami

7. Rajah 4 menunjukkan akar suatu tumbuhan.

*Diagram 4 shows the roots of plant.*



Rajah 4 / Diagram 4

Apakah fungsi bakteria yang tinggal dalam struktur S.  
*What is the function of bacteria that live in structure S?*

- A Mensintesikan protein daripada nitrat  
*To synthesise protein from nitrate*
- B Meningkatkan kandungan nitrat dalam tanah  
*To increase the nitrate content in the soil*
- C Meingkatkan sebatian ammonia dalam tanah  
*To increase ammonium compound in soil*
- D Meningkatkan kandungan nitrogen dalam atmosfera  
*To increase the nitrogen content in the atmosphere*

Konstruk – Memahami

8. Berikut ialah senarai bahan yang digunakan dalam rawatan penyakit yang disebabkan oleh patogen.

*Below is the list of substances used in the treatment of diseases caused by pathogens.*

Penisilin / Penicillin  
Tetrasiklin / Tetracycline  
Streptomisin / Streptomycin

Bahan-bahan tersenarai di atas merupakan contoh....

*The substances listed above are example of...*


- A Vaksin / Vaccine
- B Antiserum / Antiserum
- C Antiseptik / Antiseptic
- D Antibiotik / Antibiotic

Konstruk - Mengingat

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver

9. Rajah 5 menunjukkan tindakan penisilin ke atas koloni bakteria.  
*Diagram 5 shows the actions of penicillin on the colony of bacteria.*



Rajah 5 / Diagram 5

Apakah yang ditunjukkan oleh kawasan jernih di atas?  
*What is shown by the clear area above?*

- A Bakteria menjadi aktif / *Bacteria become active*
  - B Bakteria menghasilkan toksin / *Bacteria produce toxins*
  - C Pertumbuhan bakteria pesat / *Rapid bacterial growth*
  - D Pertumbuhan bakteria terencat / *Bacterial growth is inhibited*
- Konstruk - Memahami
10. Rajah 6 menunjukkan mikroorganisma yang ditemui pada sekeping roti.  
*Diagram 6 shows a microorganism found on a slice of bread.*



Rajah 6 / Diagram 6

Apakah kaedah pembiakan bagi mikroorganisma ini.  
*What is the method of reproduction of this microorganism?*

- A Pertunasan / *Budding*
- B Konjugasi / *Conjugation*
- C Belahan dedua / *Binary fission*
- D Pembentukan spora / *Spores formation*


Konstruk – Memahami

## KERTAS 2

## **BAHAGIAN A**

Rajah 1.1 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji kesan suhu terhadap pertumbuhan bakteria *Bacillus subtilis*.

Figure 1.1 shows an experiment to study the effect of temperature on the growth of a bacterium *Bacillus subtilis*.



## Rajah 1.1 / Diagram 1.1

Selepas 2 hari, keadaan bubur nutrient dalam setiap tabung uji diperhatikan. Keadaan bubur nutrien direkodkan dalam Jadual 1.

After 2 days, the condition of the nutrient broth in each test tube was observed. The condition of the nutrient porridge is recorded in Table 1.

Tabung uji <i>Test tube</i>	Suhu ° C <i>Temperature ° C</i>	Keadaan bubur nutrient <i>Condition of the nutrient broth</i>
K	5	Sedikit keruh <i>Slightly cloudiness</i>
L	37	Keruh <i>Cloudiness</i>
M	70	Sedikit keruh °

Apakah pemerhatian yang boleh dibuat berdasarkan Jadual 1 di atas?

*What observations can be made based on Table 1 above?*

[1 markah]  
Konstruk – KPS

Nyatakan inferens berdasarkan pemerhatian di Soalan 1(a).

Nyatakan inferensi berdasarkan perkenaan di Soalan 1(a).  
State the inference based on the observation in Question 1 (a)

[1 Markah]  
Konstruk - KPS

Nyatakan hipotesis untuk eksperimen ini.  
*State the hypothesis for this experiment.*

.....

.....

[1 Markah]  
 Konstruk - KPS

Berdasarkan eksperimen ini, nyatakan definisi secara operasi bagi bakteria.  
*Based on this experiment, state the operational definition of bacteria*

.....

.....

[1 Markah]  
 Konstruk – KPS

Rajah 1.2 menunjukkan sejenis makanan.  
*Figure 1.2 shows a type of food.*




Rajah 1.2 / Diagram 1.2

Tandakan ( ✓ ) pada kaedah yang paling sesuai untuk menyimpan makanan tersebut.  
*Tick (✓) the most suitable method of storing the food.*


[1 markah]  
 Konstruk - Mengaplikasi

Rajah 1 menunjukkan eksperimen untuk mengkaji kesan cahaya ke atas pertumbuhan fungi.  
*Diagram 1 shows an experiment to study the effect of light on the growth of fungi.*



Rajah 1 / Diagram 1

Selepas tiga hari, permukaan setiap keping roti diperhatikan. Jadual 1 menunjukkan keputusan eksperimen.  
*After three days, the surface of each piece of bread is observed. Table 1 shows the result of the experiment.*

Roti Bread	Keamatan cahaya <i>Light intensity</i>	Bilangan topok hitam <i>Number of black spots</i>
A	Cahaya terang / Bright light	0
B	Cahaya malap / Dim light	3
C	Gelap / Dark	10

Jadual 1 / Table 1

Nyatakan pemboleh ubah dimalarkan dalam eksperimen ini.  
*State the constant variable in this experiment.*

..... [1 markah]  
 Konstruk - KPS

Berdasarkan Jadual 1, nyatakan satu inferensi yang dapat anda buat roti A.  
*Based on Table, state one inference that you can make on the bread A.*

..... [1 markah]  
 Konstruk - KPS

Ramalkan bilangan topok hitam pada roti A selepas lima hari.  
*Predict the number of black spots on bread A after five days.*

..... [1 markah]  
 Konstruk - KPS

Nyatakan hipotesis untuk eksperimen ini.  
*State the hypothesis for this experiment.*

.....  
 .....

[1 markah]  
 Konstruk - KPS

Cuka ditambahkan ke dalam buah-buahan di dalam botol untuk membuat jeruk. Apakah faktor yang membantu buah-buahan itu tahan lama?  
*Vinegar is added to the fruit in a bottle to make pickle. What is the factor that helps the fruits to last longer?*

.....

[1 markah]  
 Konstruk – Mengaplikasi

## BAHAGIAN B

Rajah 1.1 menunjukkan peranan mikroorganisma berfaedah dalam kehidupan  
*Diagram 1.1 shows the role of useful microorganisms in life.*

P Hidupan simbiosis dalam nodul akar tumbuhan kekacang <i>Symbionts in the root nodules of leguminous plants.</i>	Q Membantu pencernaan makanan dalam herbivor <i>Aid in the digestion of food in herbivores</i>	R Digunakan dalam penghasilan insulin <i>Used in the making of insulin.</i>

Rajah 1.1 / Diagram 1.1

Namakan bakteria yang terlibat dalam P.  
*Name the bacteria that involve in P.*

.....

[1 markah]  
 Konstruk – Mengingat

Nyatakan fungsi bakteria di 1 a) dalam pertanian.  
*State the function of this bacteria agricultural field.*

..... [1 markah]

Konstruk – Memahami

Namakan kelas mikroorganisma yang terlibat dalam R.  
*Name the class of microorganism that involves in R*

..... [1 markah]

Konstruk – Memahami


Bagaimanakah mikroorganisma membantu pencernaan makanan di Q?  
*How do microorganisms help digest food in Q?*

..... [1 markah]

Konstruk – Memahami

Rajah 1.2 menunjukkan sejenis mikroorganisma yang digunakan dalam industri pemprosesan makanan.

*Diagram 1.2 shows a type of microorganism used in food processing industries.*



© JPJ PERAK

Rajah 1.2 / Diagram 1.2

- i) Namakan proses yang menggunakan mikroorganisma ini.  
*Name the process that uses this microorganism.*

..... [1 markah]

Konstruk – Memahami

- ii) Nyatakan gas yang terbebas semasa proses yang dinamakan di e) (i).  
*State the gas released during the process named in e)(i).*

..... [1 markah]

Konstruk - Memahami

## BAHAGIAN C

Kaji situasi berikut./ *Study the following situation.*

Pn Aisyah menggunakan cuka untuk membuat jeruk mangga. Beliau mendapati jeruk mangga boleh tahan lebih lama berbanding dengan buah mangga segar.

*Puan Aisyah uses vinegar to make mango pickles. She discovers that pickles can be kept longer than fresh mangoes.*

Nyatakan satu pernyataan daripada maklumat di atas.

*State one problem statement from the above information*

[1 markah]  
Konstruk - KPS

Nyatakan satu hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas

*Suggest one hypothesis to investigate the above statement.*

[1 markah]  
Konstruk - KPS

Berdasarkan pernyataan yang diberi, huraikan satu eksperimen untuk menguji hipotesis anda. Anda diberi asid hidroklorik cair, air suling, bubur nutrient, kultur bakteria dan kapas.

*Based on the given statement, describe one experiment to test your hypothesis. You are given dilute hydrochloric acid, distilled water, nutrient broth, bacterial culture and cotton wool.*

Huraian anda harus mengandungi aspek berikut:

*Your description should include the following aspects:*

Tujuan eksperimen [1 markah]

*Aim of the experiment*

Konstruk - KPS

[2 markah]

Mengenalpasti pemboleh ubah [2 markah]

*Identification of variables*

Konstruk - KPS

[4 markah]

Kaedah atau prosedur [4 markah]

*Method or procedure*

Konstruk - KPS

[ 1markah]

Penjadual data [ 1markah]

*Tabulation of data*

Konstruk - KPS

## BAB 2 : NUTRISI DAN TEKNOLOGI MAKANAN

### KERTAS 1

- 1 Rajah 1 menunjukkan seorang kanak-kanak menderita daripada sejenis penyakit.  
*Diagram 1 shows child suffering from a disease.*



Rajah 1 / Diagram 1

Antara makanan berikut, yang manakah dapat membantunya sembah dari penyakit ini?

*Which of the following foods can help the child to recover from the disease?*

- A
- B
- C
- D

Konstruk – Memahami

- 2 Antara masalah kesihatan berikut, yang manakah disebabkan oleh kekurangan vitamin C?

*Which of the following health problems is caused by lack of vitamin C?*

- A Goiter / Goitre
- B Riket / Rickets
- C Skurvi / Scurvy
- D Marasmus / Marasmus

Konstruk – Mengingat

- 3 Jadual 1 menunjukkan nilai kalori bagi tiga jenis makanan.

*Table 1 shows the calorific value of three types of food.*

Makanan Food	Nilai kalori / kJg <sup>-1</sup> Calorific value / kJg <sup>-1</sup>
Nasi / Rice	15.04
Ayam / Chicken	8.27
Kubis / Cabbage	0.34

Aris mengambil makan tengah hari yang terdiri daripada 20 g nasi, 5 g ayam dan 50 g kubis. Hitung jumlah kalori yang diambilnya.

*Aris takes lunch which consists of 20 g of rice, 5 g of chicken and 50 g of cabbage. Calculate the total calorific value taken by Aris.*

- A 23.65 kJ
- B 320.60 kJ
- C 359.15 kJ
- D 450.42 kJ

Konstruk - Mengaplikasi

- 4 Rajah 2 menunjukkan sejenis makanan.  
*Diagram 2 shows a type of food.*



Rajah 2 / Diagram 2

Apakah fungsi makanan tersebut.

*What is the function of the food.*

- A Bertindak sebagai pelawas  
*Acts as roughage*
- B Sebagai sumber tenaga  
*As a source of energy*
- C Membina sel baru  
*Builds new cells*
- D Mencegah goiter  
*Prevents goitre*

Konstruk - Memahami

- 5 Rajah 3 menunjukkan daun suatu tumbuhan.  
*Diagram 3 shows the leaf of a plant.*



Rajah 3 / Diagram 3

Tisu mati terdapat di sekeliling daun tersebut. Daun itu juga mempunyai tompok-tompok coklat. Antra berikut, yang manakah kurang untuk pertumbuhan pokok tersebut?

*Dead tissues are found around the edges of the leaf. The leaf also has brown spots. Which of the following nutrients is lacking for the growth of the plant?*

- A Kalium / Potassium
- B Nitrogen / Nitrogen
- C Fosforus / Phosphorus
- D Magnesium / Magnesium

Konstruk – Mengingat

- 6 Rajah 4 menunjukkan sejenis minuman.  
*Diagram 4 shows a type of drink.*



Rajah 4 / Diagram 4

Antara kaedah berikut, yang manakah sepatutnya digunakan bagi mengekalkan rasa dan nutrient dalam minuman tersebut?

*Which of the following methods should be used to preserve the flavour and nutrient of the drinks?*

- A Penapaian / Fermentation
- B Penyejukbekuaan / Freezing
- C Pendehidratan / Hydration
- D Pempasteuran / Pasteurisation

Konstruk – Memahami

- 7 Antara unsur berikut, yang manakah diperlukan oleh tumbuhan dalam kuantiti yang banyak?


*Which of the following element is needed by plants in large quantities?*

- A Boron / Boron
- B Fosforus / Phosphorus
- C Kuprum / Copper
- D Zink / Zinc

Konstruk - Mengingat

- 8 Rajah 5 menunjukkan sebahagian daripada kitar nitrogen.

*Diagram 5 shows part of nitrogen cycle.*



Apakah proses P dan Q?  
*What are process P and Q?*

- |                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>P</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A Penguraian<br/> <i>Decomposition</i></li> <li>B Penitritan<br/> <i>Nitrification</i></li> <li>C Pendenitritan<br/> <i>Denitrification</i></li> <li>D Penyerapan<br/> <i>Absorption</i></li> </ul> | <p>Q</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A Penguraian<br/> <i>Decomposition</i></li> <li>B Penitritan<br/> <i>Nitrification</i></li> <li>C Pengikatan nitrogen<br/> <i>Nitrogen Fixation</i></li> <li>D Penguraian<br/> <i>Decomposition</i></li> </ul> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

- |                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>P</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A Penguraian<br/> <i>Decomposition</i></li> <li>B Penitritan<br/> <i>Nitrification</i></li> <li>C Pendenitritan<br/> <i>Denitrification</i></li> <li>D Penyerapan<br/> <i>Absorption</i></li> </ul> | <p>Q</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A Penguraian<br/> <i>Decomposition</i></li> <li>B Penitritan<br/> <i>Nitrification</i></li> <li>C Pengikatan nitrogen<br/> <i>Nitrogen Fixation</i></li> <li>D Penguraian<br/> <i>Decomposition</i></li> </ul> |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Konstruk – Mengingat

- 9** Antara bahan kimia berikut, yang manakah digunakan dalam makanan yang diproses untuk menjadikan makanan itu lebih menarik?  
*Which of the following chemical substances is used in processes food to make the food more attractive?*
- A Pemanis / Sweetener
  - B Pewarna / Colouring
  - C Penstabil / Stabiliser
  - D Antioksidan / Antioxidant

Konstruk – Mengingat


- 10** Baka buah kelapa sawit yang bermutu boleh dihasilkan melalui  
*Quality palm oil breeds can be produced through.*

- A Kejuruteraan genetik / Genetic engineering
- B Semaian / Nurseries
- C Pendebungaan dengan pokok yang sama  
*Pollination with the same tree*
- D Teknik pengklonan / Cloning techniques

Konstruk - Mengingat

**KERTAS 2****Bahagian A**

1. Rajah 1 menunjukkan eksperimen untuk membandingkan nilai kalori bagi dua jenis makanan.  
*Diagram 1 shows an experiment to compare the calorific values of two types of food.*



Rajah 1 / Diagram 1

Keputusan eksperimen direkodkan dalam Jadual 1.

*The results of the experiment are recorded in Table 1.*

Jenis makanan <i>Type of food</i>	Kacang tanah <i>Groundnut</i>	Ubi kentang <i>Potato</i>
Jisim (g) <i>Mass (g)</i>	5	5
Isi padu air suling ( $\text{cm}^3$ ) <i>Volume of distilled water (<math>\text{cm}^3</math>)</i>	100	100
Suhu awal air ( $^\circ\text{C}$ ) <i>Initial water temperature (<math>^\circ\text{C}</math>)</i>	27	27
Suhu akhir air ( $^\circ\text{C}$ ) <i>Final water temperature (<math>^\circ\text{C}</math>)</i>	56	32

Jadual 1 / Table 1

- a) Tuliskan satu inferens yang boleh dibuat berdasarkan keputusan eksperimen itu.  
*State one inference that can be made based on the results.*

..... [1 markah / mark]

Konstruk : KPS

- b) Berdasarkan Jadual 1, hitungkan nilai kalori bagi kacungtanah dan ubi kentang dengan menggunakan formula di bawah.

*Based on Table 1, calculate the calorific value of groundnut and potato using the formula given below.*

$$\text{Nilai kalori (kJ g}^{-1}\text{)} = \frac{4.2 \times \text{Isipadu air} \times \text{Kenaikan suhu}}{\text{Jisim makanan} \times 1000}$$

$$\text{Calorific value (kJ g}^{-1}\text{)} = \frac{4.2 \times \text{Volume of water} \times \text{Rise in temperature}}{\text{Mass of food} \times 1000}$$

- (i) Kacang tanah  
*Groundnut*

[1 Markah / Mark]

- (ii) Ubi kentang  
*Potato*

[1 Markah / Mark]

Konstruk: Aplikasi


- c) Takrifkan nilai kalori.  
*Define calorific value.*

[1 markah / mark]  
Konstruk : KPS

- d) Mengapakah ia adalah penting bagi kita untuk mengetahui nilai kalori dalam makanan?  
*Why is it important for us to know the calorific values in food?*

[1 markah / mark]  
Konstruk : KPS

2. Rajah 2 menunjukkan eksperimen untuk mengkaji kesan kekurangan nutrien pada tumbuhan.  
*Diagram 2 shows an experiment to study the effect of nutrient deficiency toward plants.*



Rajah 2 / Diagram 2

- a) Nyatakan hipotesis bagi eksperimen ini.  
*State the hypothesis for this experiment.*

[1 markah / mark]  
 Konstruk : KPS

- b) Ramalkan keadaan anak benih dalam Larutan nutrien tanpa nitrogen sekiranya eksperimen ini diteruskan untuk tempoh 5 hari dan huraikan alasan anda.  
*Predict the condition of seedlings in Nutrient without nitrogen solution if this experiment is continued for a period of 5 days and explain your answer.*

[2 markah / mark]  
 Konstruk : KPS

- c) Nyatakan satu faktor yang tidak berubah bagi eksperimen ini.  
*State one factor that has not changed for this experiment.*


[1 markah / mark]  
 Konstruk : KPS

- d) Berdasarkan eksperimen ini, nyatakan definisi secara operasi bagi Larutan Kultur Lengkap.  
*Based on this experiment, state the definition operationally for Knop's solution.*

[1 markah / mark]  
 Konstruk : KPS


## Bahagian B

3. Rajah 3 menunjukkan sebahagian daripada kitar nitrogen.  
*Diagram 3 shows part of the nitrogen cycle.*



Rajah 3 / Diagram 3

- a) Bakteria J boleh didapati dalam nodul akar tumbuhan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.  
*Bacteria J can be found in the root nodule of a plant as shown in Diagram 4.*



Rajah 4 / Diagram 4

- (i) Nyatakan satu kepentingan Bakteria J dalam kitar nitrogen.  
*State one importance of Bacteria J in the nitrogen cycle.*

..... [1 markah / mark]

Konstruk : Memahami

- (ii) Berikan satu contoh tumbuhan yang mempunyai nodul akar seperti Rajah 4.  
*Give an example of a plant that has root nodules as shown in Figure 4.*

..... [1 markah / mark]  
 Konstruk : Memahami

- b) Apakah yang diwakili oleh L?  
*What is represented by L?*

.....  
[1 markah / mark]

Konstruk : Memahami

- c) Nyatakan satu proses yang menyingkirkan ion nitrat daripada tanah.  
*State a process that removes nitrate ions from soil.*

.....  
[1 markah / mark]

Konstruk : Mengetahui

- d) Cadangkan dua kaedah untuk menambahkan kesuburan tanah disebabkan oleh penyingkiran ion nitrat daripada tanah.  
*Suggest two methods to increase soil fertility due to the removal of nitrate ions from the soil.*

.....  
[1 markah / mark]

Konstruk : Menilai

4. Rajah 5 menunjukkan sejenis makanan.  
*Diagram 5 shows a type of food.*



© JPW PERAK

Rajah 5 / Diagram 5

- a) (i) Nyatakan kaedah pemprosesan makanan pada Rajah 5.  
*State the method of food processing in Diagram 5.*

.....  
[1 markah / mark]

Konstruk : Memahami

- (ii) Terangkan bagaimana kaedah pemprosesan makanan pada Rajah 5 dilakukan.  
*Explain how the food processing method in Figure 5 is performed.*
- .....  
.....

[2 markah / marks]

Konstruk : Memahami

- b) (i) Nyatakan satu bahan awet yang terdapat dalam makanan ini.  
*State one preservative contained in this food.*
- .....

[1 markah / mark]

Konstruk : Memahami

- (ii) Jelaskan satu kesan jangka panjang penggunaan bahan awet pada Soalan 4(b)(i) kepada kesihatan diri manusia.  
*Explain a long term effect of the use of preservatives in Question 4 (b) (i) on human health.*
- .....

[1 markah / mark]

Konstruk : Memahami

- c) (i) Kaji label pada tin yang ditunjukkan dalam Rajah 5. Adakah label tersebut mematuhi Peraturan Makanan 1985?  
*Study the label on the can shown in Diagram 5. Does the label comply with the Food Regulation 1985?*
- .....

[1 markah / mark]

Konstruk : Menganalisis


- (ii) Berikan satu kepentingan Peraturan Makanan 1985 kepada pengguna.  
*Give one importance of the Food Regulations 1985 to consumers.*
- .....

[1 markah / mark]

Konstruk: Mengetahui

## Bahagian C

5. a)



Pemprosesan makanan merupakan set cara-cara dan teknik yang digunakan untuk menukar bahan-bahan mentah kepada makanan atau menukar makanan kepada kepada pemakanan lain bagi manusia atau haiwan samaada untuk rumah atau oleh industri makanan. Nyatakan empat tujuan pemprosesan makanan.  
*Food processing is a set of methods and techniques used to convert raw materials into food or convert food into other foods for humans or animals either for the home or by the food industry. State four purposes of food processing.*

[4 Markah / Marks]  
 Konstruk: Memahami

- b) Rajah 6 menunjukkan lambakan sejenis buah. Buah-buah ini akan rosak selepas beberapa hari jika tidak dijual.  
 Terangkan bagaimana untuk mengatasi masalah ini.  
*Diagram 6 shows a pile of a type of fruits. The fruits will become rotten after a few days if left unsold.*  
*Explain how to overcome this problem.*



Rajah 6 / Diagram 6

© JPN PERAK

Penerangan anda hendaklah mengandungi aspek-aspek berikut:  
*Your explanation should include the following aspects:*

- (i) Kenal pasti masalah  
*Identify the problem*

[1 Markah / Mark]

- (ii) Cadangkan tiga kaedah untuk menyelesaikan masalah itu  
*Suggest three methods to solve the problem*

[3 Markah / Marks]

- (iii) Pilih kaedah terbaik dan jelaskan pilihan anda  
*Choose the best method and explain your choice*

[2 Markah / Marks]  
 Konstruk : menilai

6. a) Ketidakseimbangan antara pertambahan penduduk dengan kemajuan teknologi pengeluaran makanan akan menyebabkan manusia mengalami masalah malnutrisi. Terangkan dua kaedah bagi meningkatkan pengeluaran makanan bagi mengatasi masalah malnutrisi.

*The imbalance between population growth and the advancement of food production technology will cause humans to suffer from malnutrition.*

*Explain two methods to increase food production to overcome the problem of malnutrition.*

[4 Markah / Marks]

Konstruk : Memahami

- b) Makanan yang diubahsuai secara genetik (GMF) adalah salah satu usaha yang dijalankan untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti makanan. Namun, terdapat beberapa buah negara yang tidak membenarkan makanan yang diubahsuai secara genetik (GMF) ini dieksport ke negara mereka.

Pada pendapat anda, adakah sesuai makanan yang diubahsuai secara genetik (GMF) terus berada dalam pasaran Malaysia? Berikan alasan untuk menyokong pendapat anda.

*Genetically modified food (GMF) is one of the efforts undertaken to improve food production and quality. However, there are some countries that do not allow genetically modified foods (GMF) to be exported to their countries.*

*In your opinion, is it appropriate for genetically modified foods (GMF) to continue to be in the Malaysian market? Give reasons to support your opinion.*

[6 Markah / Marks]

Konstruk : Menilai


**BAB 3 : KELESTARIAN ALAM SEKITAR****KERTAS 1**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Jejak Karbon?  
*What is a carbon footprint?*

- A Jumlah karbon yang tersimpan di dalam kerak bumi  
*The amount of carbon stored in the Earth's crust*
- B Jumlah bersih pembebasan dan penyerapan gas karbon dioksida  
*Net amount of emission and absorption of carbon dioxide gas*
- C Jumlah pelepasan gas karbon dioksida daripada semua aktiviti manusia  
*Total release of carbon dioxide gas from all human activities*
- D Kesan positif terhadap alam sekitar bagi sesuatu produk sepanjang kitaran hayatnya  
*Positive impact on the environment of a product throughout its life cycle*

Konstruk: Mengingat

2. Rajah 2 menunjukkan proses kitaran hayat produk.  
*Diagram 2 shows the product life cycle process*

*Rajah 2**Diagram 2*

- Apakah yang diwakili oleh proses X?  
*What does the process X represent?*

- |                     |                             |
|---------------------|-----------------------------|
| A Penjualan<br>Sale | C Pemasaran<br>Marketing    |
| B Penggunaan<br>Use | D Pembungkusan<br>Packaging |

Konstruk: Memahami

3. Mengapa menjana tapak tangan karbon amat penting dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar?  
*Why is generating carbon handprint very important in maintaining environmental sustainability?*

- A Meningkatkan jumlah pelepasan gas oksigen dalam atmosfera  
*Increase the amount of oxygen gas released in the atmosphere*
- B Mengurangkan kesan negatif daripada jejak karbon  
*Reduce the negative impact of carbon footprint*
- C Mengurangkan penggunaan tenaga elektrik  
*Reduces electricity consumption*
- D Meningkatkan penggunaan teknologi moden  
*Increases the use of modern technology*


Konstruk: Mengingat

4. Apakah tujuan melakukan *upcycle*?  
*What is the purpose of doing upcycle?*

- A Menghasilkan produk yang berkualiti tinggi dan bernilai daripada produk asal  
*Produce higher quality and valuable products from the original products*
- B Menjadikan bahan buangan boleh digunakan semula  
*Makes waste reusable*
- C Mengurangkan penggunaan bahan baru  
*Reduces the use of new materials*
- D Menggunakan semula bahan berulang kali  
*Reuse materials repeatedly*

Konstruk: Mengingat

5. Rajah 5 menunjukkan pembentukan eutrofikasi  
*Diagram 5 shows formation of eutrophication*



Rajah 5  
*Diagram 5*


Antara yang berikut yang, manakah merujuk kepada X?  
*Which of the following refers to X?*

- A Peningkatan nilai BOD  
*Increase in BOD value*
- B Hidupan akuatik mati  
*Death of aquatic life*
- C Pengaliran baja tak organic ke dalam sungai  
*Runoff on inorganic fertilizer into rivers*
- D Kuantiti jirim organik mereput yang banyak  
*Large quantities of decaying organic matter*

Konstruk: Memahami

6. Rajah 6 menunjukkan satu aktiviti.

*Diagram 6 shows an activity.*



*Rajah 6 / Diagram 6*

Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan aktiviti tersebut?

*Which of the following is the effect of this activity?*

- A Kepupusan hidupan aquatik  
*Extinction of aquatic life*
- B Penipisan lapisan ozon  
*Depletion of ozone layer*

- C Tanah runtuh  
*Landslide*
- D Eutrofikasi  
*Eutrofication*

Konstruk: Memahami

7. Apakah yang ditunjukkan oleh bacaan BOD yang tinggi?

*What is indicated by a high BOD reading?*

- A Kualiti air yang baik  
*Good quality of water*
- B Kualiti udara yang baik  
*Good quality of air*
- C Air yang tercemar  
*Polluted water*
- D Pencemaran termal  
*Thermal pollution*

Konstruk: Mengingat

- 8.

Untuk menilai kemajuan ke arah matlamat yang dipersetujui di peringkat antarabangsa tentang pembangunan lestari.

*To evaluate progress towards agreed goals on sustainable development.*

Pernyataan di atas merupakan salah satu objektif persetujuan antarabangsa dalam mengekalkan pembangunan lestari. Apakah konvensyen tersebut?

*The above statements is one of the objectives of international agreement on maintaining sustainable development. What is the convention?*

- A Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu  
*The United Nations Environment Programme*
- B Protokol Montreal  
*Montreal Protocol*
- C Protokol Kyoto  
*Kyoto Protocol*
- D Pengisytiharaan Rio bagi Alam Sekitar dan Pembangunan  
*Rio Declaration on Environment and Development*

Konstruk: Memahami

9. Antara berikut, aktiviti manakah tidak menyebabkan peningkatan jejak kaki karbon?  
*Which of the following activities do not cause an increase in carbon footprints?*
- A Memandu kereta  
*Driving car*
  - B Mengitar semula surat khabar  
*Recycling newspapers*
  - C Menebang pokok balak di hutan  
*Cutting logs in the forest*
  - D Membersih rumah menggunakan penyedut habuk elektrik  
*Cleaning in the house using vacuum cleaner*

Konstruk: Mengingat

10. Antara berikut, yang manakah perlu diambil kira bagi memastikan langkah tapak tangan karbon tercapai?  
*Which of the following should be considered to ensure carbon handprint achieved?*
- A Murah  
*Cheap*
  - B Mesra alam  
*Eco Friendly*
  - C Berkualiti tinggi  
*High quality*
  - D Memberi kesan positif semasa proses pembuatan sahaja  
*Has a positive effect during the manufacturing process only*

Konstruk: Mengingat

11. Steven berkelah di kawasan air terjun Bersama keluarga dan membawa banyak makanan yang dibungkus dengan plastik. Apakah tindakan terbaik yang perlu dilakukannya untuk melupuskan sisa plastik tersebut?  
*Steven had a picnic at the waterfall with his family and brought lots of plastic-wrapped food. What is the best action he can take to dispose of the plastic waste?*
- A Menanam sisa plastik tersebut di dalam tanah  
*Bury the plastic waste in the ground*
  - B Membakar sisa plastik tersebut di dalam hutan  
*Bury the plastic waste in the forest*
  - C Membuang sisa plastik tersebut ke dalam sungai  
*Dispose of the plastic waste into the river*
  - D Membawa pulang sisa plastik tersebut untuk dikitar semula  
*Take home the plastic waste for recycling*

Konstruk: Mengaplikasi

12. Antara gas berikut, yang manakah menyebabkan pemanasan global?  
*Which of the following gases cause global warming?*
- |                                            |                                                |
|--------------------------------------------|------------------------------------------------|
| A Ammonia<br><i>Ammonia</i>                | C Sulfur dioksida<br><i>Sulphur dioxide</i>    |
| B Karbon dioksida<br><i>Carbon dioxide</i> | D Nitrogen dioksida<br><i>Nitrogen dioxide</i> |

Konstruk: Mengingat

13. Antara fenomena berikut, yang manakah disebabkan oleh penggunaan baja kimia dan baja organik yang berlebihan dalam pertanian?  
*Which of the following is caused by excessive use of chemical and organic fertilisers in agriculture?*
- A Eutrofikasi  
*Eutrophication*
  - B Pencemaran terma  
*Thermal pollution*
  - C Penipisan lapisan ozon  
*Depletion of ozone layer*
  - D Kesan rumah hijau  
*Greenhouse effects*

Konstruk: Mengingat

